

Sistem Bahasa: Kertas 1 (Bahagian B)

Latihan 1

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Hasil kraf tangan yang dibawa daripada kampung orang asli itu dipamerkan di Festival Seni Antarabangsa.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

2. Kebanyakan peserta-peserta pertandingan sudah bersedia di tempat permulaan acara 100 meter.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

3. Encik Tan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bestari Jaya sejak sepuluh tahun yang lalu.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

4. Rakyat jelata sangat sukacita apabila menonton istiadat pelantikan sultan di televisyen.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

5. Perkhidmatan bas Alma Ekspres yang telah beroperasi lebih daripada 20 tahun adalah antara perkhidmatan yang terbaik di negara kita.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

6. Makanan yang terhidang itu tidak mampu adik habiskan kerana banyak sungguh.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

7. “Murid nakal itu selalu mengganggu kamu,” kata Sharifah dan rakan-rakannya kepada guru disiplin.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

8. Dari masa ke semasa, pihak majikan yang prihatin akan sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada para pekerjanya.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

9. Semua borang permohonan ke Universiti Malaya telah dihantar oleh saya melalui Internet petang semalam.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

10. Sikap saling membantu antara satu sama lain kita patut amalkan kerana dapat mengeratkan hubungan silaturahim.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

[10 markah]

Latihan 2

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Syarikat yang diisytiharkan bankrap itu mengalami defisit berdasarkan analisa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

2. Anggota pasukan kadet polis sekolah itu menghentakkan kaki dengan kuat semasa berkawat dalam pertandingan peringkat negeri.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

3. Ulasan tentang perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia oleh juru ulas itu sangat menarik sekali.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

4. Pak Abu mencangkul tanah di tepi bendang itu untuk ditanam nenas.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

5. Encik Samat meminta kontraktor yang berpengalaman luas itu membina landskap di halaman rumahnya mengikut plan yang ditetapkan.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

6. Kemudahan di stesen keretapi di negara kita sedang dinaik taraf untuk memberikan keselesaan kepada pelancong domestik dan luar negara.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

7. Dengan menggunakan resepi yang diwarisi sejak turun-temurun, martabak yang dijual di Restoran Tajmahal itu enak amat.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

8. Guru mata pelajaran Geografi menyuruh murid-muridnya menyediakan alat tulis yang sesuai untuk memudahkan mereka melukis gambarajah proses pembentukan tasik ladam.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

9. Beberapa orang kontingen berbasikal yang terdiri daripada golongan belia dari negara ASEAN akan merentasi kampung-kampung yang telah ditetapkan.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

10. Perdana Menteri telah mengadap Yang Dipertuan Agung bagi mendapatkan perkenan baginda tentang cadangan pelantikan senator yang baharu.

Kesalahan: _____ Pembetulan: _____

[10 markah]